

DAP mulakan tindakan keluar Dewan

20

UM 21 DEC 1999

KUALA LUMPUR 20 Dis. Semua 43 anggota Parlimen pembangkang yang menghadiri sidang hari pertama Dewan Rakyat hari ini bertindak keluar Dewan sebelum mengangkat sumpah jawatan kerana mendakwa persidangan Dewan tidak sah.

Mereka mula meninggalkan Dewan pada kira-kira pukul 10.55 pagi.

Bagaimanapun, Presiden Parti Keadilan Nasional, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan berada seketika di dalam Dewan.

Wan Azizah dan Pairin hanya keluar dari Dewan kira-kira pukul 11 pagi iaitu sebaik sahaja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hendak memulakan angkat sumpah.

Tindakan keluar Dewan ini dilihat dimulakan oleh Naib Pengerusi DAP, Dr. Tan Seng Giaw yang meninggalkan tempatnya lalu menghampiri Ketua Pembangkang, Datuk Fadzil Noor yang kemudian mengikut langkah Dr. Tan itu.

Kesemua anggota pembangkang kemudian mengikut Dr. Tan dan Fadzil keluar beramai-ramai.

Mereka bertindak demikian setelah Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail tidak menerima bantahan empat orang ahli Parlimen DAP herhubung kesahihan mesyuarat Dewan Rakyat, Dr. Tan bangun menepuk-nepuk belakang Fadzil sambil berbisik mengajaknya keluar Dewan.

Dua lagi ahli pembangkang iaitu **Abdul Hadi Awang (Pas-Marang)** dan **Mustaffa Ali (Pas-Dungun)** tidak hadir.

Upacara angkat sumpah anggota Dewan Rakyat pada sidang pertama penggal pertama Parlimen ke-10 pagi ini terganggu apabila kesemua 43 ahli pembangkang melanggar peraturan mesyuarat dengan hercakup sebelum Yang Dipertua Dewan Rakyat dilantik dan sebelum mereka mengangkat sumpah.

Dalam insiden yang disifatkan oleh kebanyakan pihak sebagai memalu-

kan, Fadzil bangkit mempertikaikan kesahihan persidangan sebaik sahaja Setiausaha Dewan, Datuk Mohd. Salleh Hassan membacakan proklamasi daripada Yang di-Pertuan Agong pada 10 pagi.

Suasana kemudian menjadi kecoh apabila ahli-ahli pembangkang lain bangun selepas Fadzil selesai berucap, iaitu satu ucapan yang bercanggah dengan peraturan mesyuarat Dewan Rakyat.

Mengikut peraturan mesyuarat, seseorang ahli Parlimen hanya boleh bercakap setelah mereka selesai mengangkat sumpah dan setelah dihenarkan berbuat demikian oleh Yang Dipertua Dewan Rakyat.

Fadzil mempertikaikan siapa yang memberikan nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong dalam memerintahkan Parlimen bersidang memandangkan Jemaah Menteri baru hersidang pada 15 Disember, sedangkan notis pemberitahuan mesyuarat dibuat dua hari sebelumnya.

Oleh kerana ketika itu Yang Dipertua Dewan belum dilantik, tidak ada siapa yang boleh mengendalikan mesyuarat.

Mohd. Salleh kemudian terpaksa menjelaskan bahawa semua ahli hanya boleh mengambil bahagian selepas mengangkat sumpah.

Fadzil dan ahli-ahli pembangkang tetap tidak berpuas hati. Beberapa meter daripada Fadzil, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Mohamed Zahir yang disambung perkhidmatannya, duduk sambil memerhatikan gelagat anggota pembangkang.

Dr. Tan (DAP-Kepong) yang merupakan pemimpin DAP yang paling kanan di Parlimen bangun menggunakan peruntukan 40 (1) peraturan mesyuarat mendakwa bahawa kerajaan sebelum ini tidak sah memanggil persidangan Parlimen.

Bagaimanapun, Ahli Parlimen Kangar, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Pawanteh mendakwa, Setiausaha Dewan Rakyat mempunyai locus *standi* untuk memberi penjelasan kerana mewakili Yang di-Pertuan Agong.

Dalam suasana gamat itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir

Mohamad yang asyik memerhatikan kerendah Ahli-Ahli Parlimen pembangkang bangun menjelaskan kuasa kerajaan ketika itu ialah sebagai kerajaan sementara (*caretaker government*) walaupun kabinet baru belum dibentuk.

"Sebenarnya negara kita tidak pernah mempunyai kerajaan apabila Parlimen dibubarkan. Yang menjalankan urusan kerajaan adalah mengikut keputusan kerajaan (terdahulu).

"Sebagai Perdana Menteri dalam *caretaker government* saya berhak memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong. Saya tidak perlu tunggu sehingga sebuah kerajaan baru ditubuhkan.

"Ini kerana kita mempunyai urusan penting supaya kita dapat mentadbir dengan tertib mengikut perlembagaan. Yang memberi nasihat kepada Agong ialah Perdana Menteri, yang berhak sebagai Perdana Menteri dalam *caretaker government*," tegas Perdana Menteri.

Suasana tegang yang dicetuskan Pas itu selepas itu didominasi oleh DAP apabila Dr. Tan bangkit meneruskan pertikaian.

Katanya, "dalam *caretaker government*, tiada siapa berhak memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong."

Sekali lagi, Dr. Mahathir bangkit menjelaskan. Suaranya ditenggelami kutukan dan pekikan anggota-anggota Parlimen pembangkang yang masih tidak berpuas hati.

"Kalau kita ada perang semasa kita ada *caretaker government*, apakah saya tidak ada hak untuk nasihatkan Yang di-Pertuan Agong," tegas Dr. Mahathir.

Dalam kekecohan itu, Ahli Parlimen Pas Kuala Kedah, Mohamad Sabu memekik, "Ini Parlimen bukan mesyuarat BN."

Beliau dibantu oleh rakan karibnya, Mahfuz Omar (Pas-Pokok Sena) yang berteriak-teriak "ala samseng" ke arah penyokong kerajaan.

Kekecohan reda sedikit 10.20 pagi apabila Tun Mohamed Zahir Ismail dipilih sebagai Yang Dipertua Dewan.

Bagaimanapun sekali lagi pembangkang tidak berpuas hati. Kali ini Mohamad Sabu mengalih perhatian kepada peruntukan 4 berkaitan notis 14 hari yang diperlukan bagi membolehkan pelantikan Speaker dan Timbalan Speaker.

Mohamed Zahir menjelaskan bahawa notis pelantikan oleh Setiausaha Dewan diterimanya pada 3 Disember lalu manakala Timbalan Speaker pada 15 Disember. Katanya, notis itu melebihi 14 hari.

Melihat anggota-anggota Parlimen pembangkang masih berdegil, Mohamed Zahir merayu mereka.

"Jika begini permulaannya dijalankan mesyuarat, padah tentu berlaku pada masa depan," kata beliau.

Di Dewan Rakyat, Pas mempunyai 27 Ahli Parlimen dan merupakan parti pembangkang terbesar dalam Parlimen yang mempunyai 193 ahli. Barisan Nasional mempunyai 148 kerusi dalam Dewan itu.

Mohamed Zahir menjelaskan, apa yang dijelaskan oleh Dr. Mahathir adalah benar kerana mengikut peruntukan 43 Perlembagaan Persekutuan, Parlimen yang dibubarkan akan terus jadi *caretaker government*.

"Di United Kingdom, (kerajaan sementara) ini sudah jadi konvensyen. Di India, kerajaan sementara selepas Parlimen dibubarkan dibenarkan melancarkan perang di Kashmir," katanya.

Mohamed Zahir kemudian mengemukakan upacara angkat sumpah bermula pada 10.55 pagi, pada permulaannya tanpa ketiadaan Ahli-Ahli Parlimen pembangkang.

Kesemua 43 anggota pembangkang itu, yang diketuai Fadzil bagaimanapun masuk pada pukul 11.15 tengah hari selepas memboikot persidangan selama satu setengah jam.

Mereka akhirnya mengangkat sumpah menurut langkah Ahli-Ahli Parlimen BN yang telah pun selesai mengangkat sumpah.